

Dewan Rakyat Tidak Bersidang Pada 25 Okt Sempena Deepavali
Bernama
19 Oktober , 2011

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Dewan Rakyat tidak akan bersidang pada 25 Oktober ini berikutan sambutan Hari Deepavali pada keesokannya.

Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Pandikar Amin Mulia berkata beliau menerima perutusan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak bahawa persidangan Dewan Rakyat tidak akan diadakan pada Selasa, 25 Okt berikutan sambutan Deepavali keesokan harinya.

"Semua pertanyaan lisan pada hari berkenaan akan dijawab secara bertulis.

"Takwim ini telah pun dimaklumkan kepada ahli-ahli Yang Berhormat," katanya sebelum memulakan sesi soal jawab lisan di sini hari ini.

Anggota Parlimen Ipoh Barat M.Kulasegaran sebelum ini memohon Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz agar sidang Parlimen tidak diadakan pada 25 Okt sempena Hari Deepavali keesokannya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=620901>